



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN  
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**KENYATAAN TAWARAN**

Sebut Harga ini adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dan mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred 'G4', Kategori Civil Engineering - Pengkhususan **CE19** dan **CE21** yang masih sah dan berkuatkuasa. Sila sertakan **salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, tempoh sah lakunya masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup Sebut Harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

<b>KETERANGAN TAWARAN</b>	:	<b>PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PAKEJ 3A - SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS PERLIS, KANGAR, PERLIS KERJA-KERJA PENGESANAN KEROSAKAN DAN PEMBAIKAN PAIP PEMBETUNGAN SEDIA ADA</b>
<b>NO. SEBUT HARGA</b>	:	<b>PETRA/JPP/PAKEJ3A-RANGKAIANPAIP-SKP/KPS/KPM/2025-Q2</b>
<b>JENIS TAWARAN</b>	:	<b>PENYEBUT HARGA YANG BERDAFTAR DI PERLIS SAHAJA</b>

<b>Kod Bidang</b>	<b>Kategori</b>	<b>Pengkhususan</b>	<b>Diskripsi</b>
CE19	Kejuruteraan Awam	Sistem Pembetungan	Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pemberian apa-apa binaan sistem pembetungan
CE21	Kejuruteraan Awam	Pembinaan Kejuruteraan Awam	Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pemberian apa-apa binaan Kejuruteraan Awam

**TARIKH MULA TAWARAN : 13 OGOS 2025 (RABU)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN : 11 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)**

**TEMPOH SAH LAKU : 90 HARI**

**LOKALITI :**

**Lokasi**

**Negeri : Perlis**

**Daerah : kangar**

Kehadiran pada taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membawa **Sijil Asal** berserta dengan **salinan pendua** (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Hanya **penama di dalam PPK, SPKK atau Kementerian Kewangan** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. **Bayaran dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Sistem I-Payment.** Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.

Perihal	Tarikh/Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
<p>- Taklimat dan lawatan tapak  <b>PROJEK MEMBAIK PULIH          ASET PEMBETUNGAN MILIK          KEMENTERIAN PENDIDIKAN          MALAYSIA</b>  <b>PAKEJ 3A - SEKOLAH          KEBANGSAAN PENDIDIKAN          KHAS PERLIS, KANGAR,          PERLIS</b>  <b>KERJA-KERJA PENGESANAN          KEROSAKAN DAN          PEMBAIKAN PAIP          PEMBETUNGAN SEDIA ADA</b></p>	<b>20 OGOS 2025          RABU          (10.00 PAGI)</b>	<b>BILIK MESYUARAT          SEKOLAH          KEBANGSAAN          PENDIDIKAN KHAS          PERLIS, KANGAR,          PERLIS</b> <a href="https://g.co/kgs/3Ss1qmk">https://g.co/kgs/3Ss1qmk</a>	Kasri bin Abd Ghani  Mohd Ikhwan bin Ahmad  Ahmad Shafie bin Muhaidin	2

Dokumen Sebut Harga boleh didapati pada tarikh **20 OGOS 2025 (RABU)** di **SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS PERLIS, KANGAR, PERLIS**. Pembayaran secara perbankan atas talian sebanyak **RM50.00** menerusi Sistem *I-payment*.

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga 4** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Blok B, Aras 3, Suasana PJH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, **11 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)**.

## **Perincian Taklimat**

## 1. PERTANYAAN/PENJELASAN LANJUT

Semua pertanyaan tentang urusan Sebut Harga hendaklah dibuat sama ada secara bertulis, telefon atau faks sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah:

## **2. HARGA TAWARAN**

Harga yang ditawarkan mestilah dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan sebagai contoh: RM0.12/unit.